



29 May 2019

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 2 • Printed size: 136.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 2,713.00
Item ID: MY0036159161

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

ST diarah siasat bil elektrik pengguna tinggi

PUTRAJAYA 28 Mei - Kerajaan telah mengarahkan Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk menyiasat dakwaan pengguna dikenakan bil elektrik yang tinggi oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, siasatan adalah untuk mengenal pasti punca sebenar masalah tersebut.

Beliau berkata, ST menerima aduan lebih tinggi iaitu sebanyak 359 aduan pada bulan ini sahaja, 'kebanyakannya iaitu 286 aduan berkaitan meter pintar dan kenaikan bil yang tinggi.

Pada April lalu, ST hanya

menerima 94 aduan (17 aduan berkaitan meter pintar dan kenaikan bil tinggi).

"Kerajaan memandang serius tentang isu berkaitan bil elektrik yang tinggi kepada pengguna di seluruh negara.

"Sebagai sebuah syarikat utiliti kita berasa TNB perlu lebih bertanggungjawab dalam pengiraan caj dan juga layanan mereka kepada pengguna," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Bee Yin, ST yang diberi tempoh 14 hari, telah



YEO BEE YIN

mengadakan pertemuan dengan TNB pagi ini bagi membincangkan masalah tersebut.

Walau bagaimanapun ST memberitahu, pihaknya tidak berpuas hati dengan alasan diberikan TNB antaranya bil elektrik adalah bagi tempoh 38 hari.

Sehubungan itu, katanya, siasatan lanjut akan dijalankan oleh ST bagi menyelesaikan masalah itu dan jika gagal tindakan boleh diambil ke atas syarikat utiliti berkenaan.



29 May 2019

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 2 • Printed size: 136.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 2,713.00
Item ID: MY0036159161

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA 28 Mei - Kerajaan telah mengarahkan Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk menyiasat dakwaan pengguna dikenakan bil elektrik yang tinggi oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, siasatan adalah untuk mengenal pasti punca sebenar masalah tersebut. Beliau berkata, ST menerima aduan lebih tinggi iaitu sebanyak 359 aduan pada bulan ini sahaja, kebanyakannya iaitu 286 aduan berkaitan meter pintar dan kenaikan bil yang tinggi.